



## SIARAN AKHBAR

### BILIF MENERIMA ANUGERAH GLOBAL GOOD GOVERNANCE (3G) 2024 & MENGADAKAN LAWATAN KERJA KE BANGKO SENTRAL NG PILIPINAS DAN THE INSURANCE COMMISSION

**Iasnin, 20 Syawal 1445H bersamaan dengan 29 April 2024M**

---

1. Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) telah menerima anugerah Global Good Governance (3G) bagi kategori “3G Championship Award in Education 2024” dan “3G Human Resource Development Award 2024” semasa acara tahunan 3G Awards Ceremony kali ke-9 yang telah diadakan di Shangri-la, The Fort Manila, Republik Filipina pada hari Isnin, 20 Syawal 1445H bersamaan dengan 29 April 2024M.
2. Hadir untuk menerima anugerah tersebut ialah Awang Haji Afero Eswandy bin Awang Haji Mohamad, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF. Semasa majlis penganugerahan tersebut, beliau telah menzahirkan rasa syukur kerana menerima anugerah-anugerah berprestij yang mengiktiraf sumbangan BILIF ke arah pembangunan modal insan untuk mewujudkan ahli-ahli profesional industri terkemuka terutamanya dalam bidang kewangan Islam. Beliau juga merakamkan penghargaan kepada Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) atas sokongan dan bimbingan yang telah diberikan, serta kepada pihak berkepentingan, pelanggan, dan rakan kongsi BILIF atas sokongan mereka yang berterusan.
3. Majlis yang dianjurkan oleh Cambridge International Financial Advisory (IFA) ini meraikan pencapaian dalam bidang tadbir urus, ketelusan dan tanggungjawab sosial. Ia jugamemberi pengiktirafan kepada usaha kepimpinan individu, agensi kerajaan, syarikat, dan badan bukan kerajaan yang mengamalkan prinsip tadbir urus yang efektif serta berinovasi dalam bidang-bidang tersebut. Majlis tersebut telah dihadiri

oleh perwakilan daripada sektor awam, sektor korporat, sektor sosial serta dermawan dari serata dunia.

4. Berikutan ini, BILIF juga telah mengadakan lawatan kerja ke Bangko Sentral ng Pilipinas dan The Insurance Commission di Manila. Lawatan-lawatan kerja tersebut bertujuan untuk membincangkan peluang kerjasama dua hala di antara BILIF dan kedua-dua organisasi, terutamanya ke arah pembangunan modal insan dan peningkatan kepakaran dalam bidang kewangan Islam dan takaful.
5. BILIF, sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar dan pemacu inovasi masa depan terutama dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa. Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman web BILIF di [www.bilif.com.bn](http://www.bilif.com.bn) atau akaun Instagram @BILIF.bn.